

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, July 22, 2018 12:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perasmian Karnival Varsity IMT-GT Ke-20



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

22 JULAI 2018 / 8 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Abdul Halim Husain dan PBS

PERASMIAN KARNIVAL VARSITI IMT-GT KE-20



UUM ONLINE: Karnival Varsity IMT-GT Ke-20, 2018 dibuka secara rasminya dalam satu majlis pembukaan penuh meriah di Dewan Seri Semarak, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis, semalam.

Perasmian yang bertemakan, *Winning is good but friendship is number one* berlangsung dengan penuh warna-warni yang menonjolkan kepelbagaian budaya dan kesenian dari negara serumpun.

Majlis perasmian disempurnakan oleh DYTM Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diiringi DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Datuk Khalil.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UiTM, Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said, karnival yang menggalakkan kerjasama antara Malaysia, Indonesia dan Thailand menghimpunkan acara sukan, kebudayaan dan seminar.

"Selamat datang kepada pegawai dan peserta ke UiTM, persaingan antara pelajar yang berbeza negara ini dapat membina kerjasama yang lebih erat dalam mewujudkan kedamaian di rantau ini.

"Sebagai pemimpin masa depan, jadikan acara ini sebagai platform untuk mengasah potensi bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga menerokai budaya yang unik," katanya pada Perasmian Karnival IMT-GT ke 20, 2018 di Dewan Seri Semarak, UiTM Arau, Perlis.

Antara universiti yang mewakili Malaysia Universiti Utara Malaysia (UUM) Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Teknologi Mara Perlis (UiTM Perlis) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP),

Manakala luar negara seperti Universitas Sumatera Utara (USU), Thaksin University (TSU), Prince of Songkla (PSU), Universitas Negeri Medan (UNIMED), Wailalak University (WU), Rajamangala University of Technology Srivijaya (RMUTSV) dan Universitas Syiah Kuala (UNSYIAH).

Karnival ini berlangsung dari 20 - 26 Julai di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, Perlis menjadi landasan kerjasama, persahabatan dan persefahaman antara negara dan universiti yang terlibat.

Kontinjen UUM menyertai acara sukan yang dipertandingkan seperti Bola Sepak, Bandminton, Tennis, Bola Tampar (wanita) dan Bola Keranjang (lelaki) dan pentaque.

Manakala acara seminar pula menyaksikan pembentangan dan perbincangan isu semasa bertemakan *Moving Towards Industrial Revolution (IR4.0); The Role Of Youth In Virtual Entrepreneurship*.

Sementara itu, Pengarah Pusat Budaya dan Seni, UUM Huzaidy Hussain menyifatkan karnival membuka peluang kepada mahasiswa untuk lebih mengenali tradisi kebudayaan daripada negara yang berbeza selain dapat memupuk nilai integrasi dalam kalangan mahasiswa.

"Acara yang dipertandingkan menerusi kebudayaan seperti Bengkel dan Persembahan Kebudayaan bertemakan *Exploring Asean Culture Through Multi Ethnic Contemporary Dance*.

"Kumpulan Bidasari mencuri tumpuan para penonton dengan persembahan Tarian Ronggeng dan Mai Cek Mai Kedah yang merupakan tarian warisan negeri Kedah," ujarnya.

Lagu IMT-GT hasil gubahan Pengurus Muzik PBS, Mohammad Haris Abd Azis turut dimainkan manakala Kumpulan tarian dikendalikan oleh Artis Budaya Kanan, Jamil Mat selaku koreografer PBS.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.